



International Journal of Modern Trends in  
Social Sciences (IJMTSS)

Journal Website: <http://ijmtss.com/>  
eISSN: 2600-8777



## HALANGAN DALAM RESOSIALISASI: SATU ANALISIS DARI KONTEKS MALAYSIA

### *RESOCIALIZATION BARRIERS: AN ANALYSIS FROM MALAYSIAN CONTEXT*

Noor Insyirah Abu Bakar<sup>1\*</sup>, Amir Hasan Dawi<sup>2</sup>, Abdul Talib Mohamed Hashim<sup>3</sup>, Norwaliza Abd Wahab<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: insyirah1126@gmail.com

<sup>2</sup> Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: amir.hasan@fpm.upsi.edu.my

<sup>3</sup> Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: abdul.talib@fpm.upsi.edu.my

<sup>4</sup> Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: norwaliza@fpm.upsi.edu.my

\* Corresponding Author

#### Article Info:

##### Article history:

Received date: 18.02.2020

Revised date: 19.02.2020

Accepted date: 22.04.2020

Published date: 10.06.2020

##### To cite this document:

Abu Bakar, N. I., Dawi, A. H., Hashim, A. T. M., & Abd Wahab. (2020). Halangan dalam Resosialisasi: Satu Analisis dari Konteks Malaysia. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 3 (12), 13-12.

DOI: 10.35631/IJMTSS.312002

#### Abstrak:

Proses resosialisasi adalah penting bagi memastikan juvana di institusi pemulihan berubah menjadi sebagaimana yang diharapkan oleh masyarakat. Namun proses resosialisasi tidak akan berjaya sepenuhnya jika terdapatnya halangan-halangan tertentu. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti halangan-halangan yang menggugat keberhasilan proses resosialisasi juvana. Data kajian ini diperolehi melalui sesi temu bual secara mendalam dengan responden kajian dan pemerhatian. Melalui pensampelan bertujuan, seramai 27 orang kakitangan institusi pemulihan dan 23 orang juvana telah terpilih menyertai kajian ini. Dapatan kajian ini menunjukkan, halangan-halangan yang menggugat proses resosialisasi adalah seperti faktor juvana (masalah tingkah laku juvana: tingkah laku tidak berminat dalam pembelajaran, kelas agama, aktiviti-aktiviti, program), faktor institusi pemulihan (kemudahan kurang memuaskan, kekurangan kewangan), faktor keluarga juvana (sosioekonomi keluarga, sikap keluarga juvana tidak bertanggungjawab) dan faktor masyarakat (persepsi negatif anggota masyarakat). Kesimpulannya melalui dapatan ini memberi gambaran bahawa terdapatnya halangan dalam usaha meresosialisasi juvana daripada konteks Malaysia. Sekiranya halangan ini tidak ditangani ianya bukan sahaja memberi impak negatif kepada juvana, malah terhadap Malaysia juga.

---

**Kata Kunci:**

Resosialisasi, Juvana, Halangan, Institusi Pemulihan Juvana, Malaysia

**Abstract:**

The process of resocialization is important to ensure that juveniles at the rehabilitation institution changed as expected by the community. But the process of resocialization will not completely successful if there are barriers. Therefore, the aim of this study is to identify barriers that derange the successful resocialization process of juveniles. The data were obtained through an in-depth interview session with the respondent in the study and observation. Through purposive sampling, the twenty-seven staff of a correctional institution and twenty-three juveniles were selected to participate as respondents in this study. This study revealed that there were barriers that deranged the resocialization process such as juveniles factor (juvenile behaviour; not interested in learning, religion classes, activities, programs), rehabilitation institution's factor (inadequate facilities, inadequate finance), juvenile family's factor (socioeconomic of the family, lack of parents' responsibility) and society factor (negative perception of society). In conclusion, these findings prove that there are obstacles in order to resocialize juveniles from the Malaysian context. If these obstacles are not well addressed, it will give a negative impact not only on juvenile, but also towards Malaysia.

**Keywords:**

Resocialization, Juvenile, Barrier, Juvenile Rehabilitation Institution, Malaysia

---

## **Pengenalan**

Remaja adalah individu yang cenderung untuk membuat pelbagai aktiviti yang berisiko (Santrock, 2010) dan mereka juga tidak matang dalam aspek kognitif, emosi dan psikologikal (Shulman & Cauffman, 2011). Disebabkan faktor inilah kadangkala telah mendorong mereka untuk melakukan delikueni. Menurut perspektif sosiologi delikueni merujuk kepada perlakuan yang bukan sahaja melanggar norma masyarakat, tetapi juga melanggar undang-undang yang ada di sesebuah negara oleh golongan remaja (Regoli & Hewitt, 2003; Landis, 2000; Brym & Lie, 2006; Sullivan, 2007; Tischler, 2011; Ferrante, 2014). Memandangkan mereka ini di bawah umur dan dilindungi oleh Akta Kanak-kanak (2001), jadi mereka tidak perlu menjalani hukuman di penjara sebagaimana orang dewasa menurut perundangan Malaysia (Sarirah Che Rose, 2011). Oleh itu atas arahan mahkamah mereka hanya perlu memasuki institusi pemulihan di bawah seliaan Jabatan Penjara Malaysia (JPM) atau Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk suatu tempoh tertentu.

Apabila memasuki institusi pemulihan dan menjalani proses resosialisasi, mereka dikenali sebagai juvana. Namun apakah takrif sebenar juvana ini? Di Malaysia menurut Rosilawati, Nurliyana, Dzaa Imma, Abdul Rauf & Fazlul Haque, (2016) juvana ialah individu muda yang berusia antara 10 hingga 18 tahun yang telah melakukan kesalahan bertentangan undang-undang negara. Manakala di Jepun pula menetapkan umur 20 tahun ke bawah dianggap sebagai juvana (Silva, 2017). Di Singapura pula had umur untuk juvana adalah bermula dari umur 7 hingga 16 tahun (Chomil Kamal, 2002). Walaupun terdapat perbezaan umur di beberapa buah negara, namun secara umum juvana merujuk kepada individu muda yang telah melanggar undang-undang sesebuah negara.

Disebabkan faktor usia juvana tidak dihukum sebagaimana pesalah dewasa yang melanggar undang-undang negara. Mereka juga tidak dimasukkan ke dalam penjara dan tidak diberi hukuman berat sebagaimana pesalah dewasa, malah mereka dilihat sebagai individu yang perlu dilindungi dan dibimbing bimbingan (Abrams, 2006). Oleh yang demikian bentuk hukuman untuk para juvana ini adalah dimasukkan ke institusi pemulihan.

Seterusnya semasa juvana mula berada di dalam institusi pemulihan bermula proses resosialisasi menurut perspektif sosiologi. Resosialisasi adalah proses pembelajaran norma, nilai, sikap serta tingkah laku baru dan hasil resosialisasi adalah perubahan dalam aspek identiti, nilai dan tingkah laku individu tersebut (Kornblum, 2012; Henslin, 2012). Apabila membincangkan mengenai isu juvana di institusi pemulihan terminologi pemulihan (rehabilitation) sering digunakan oleh pengkaji-pengkaji.

Namun menurut perspektif bidang sosiologi rehabilitasi bermaksud '*to resocialize offenders so that they can reenter society*' (Kendall, 2017:204). Ini bermakna apabila menyebut terminologi pemulihan, ianya merujuk kepada resosialisasi dalam konteks ilmu sosiologi. Ahli sosiologi percaya untuk memulihkan (*to rehabilitate*), ianya akan dicapai melalui proses resosialisasi. Oleh yang demikian untuk mencapai resosialisasi ianya memerlukan program-program terancang (Liaudinskien 2005) agar dapat merubah juvana menjadi individu baru yang mempunyai identiti, nilai dan tingkah laku positif setelah mereka bebas ke dalam masyarakat semula.

Seharusnya setelah juvana dimasukkan ke institusi pemulihan dan mengikuti pelbagai pendekatan dan program di dalamnya, ianya dapat membantu perubahan diri mereka. Kesemua perancangan merangkumi pelbagai program yang dilaksanakan oleh institusi pemulihan dilihat sebagai usaha untuk meresosialisasi mereka.

Akan tetapi apabila terdapatnya laporan mengenai pengulangan delikueni dalam kalangan mereka setelah dibebaskan, ini memberi gambaran awal bahawa proses resosialisasi tidak berjaya sepenuhnya. Kadar pengulangan delikueni dalam kalangan juvana semakin meningkat setelah dibebaskan daripada institusi pemulihan turut dinyatakan oleh (Nadzriah, Abdul Ghafur, Saodah & Ahmad, 2016). Ini diperkukuhkan lagi oleh data statistik oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang dikeluarkan pada tahun 2017, sebagaimana digambarkan dalam jadual di bawah.

**Jadual 1: Kesalahan Berulang Oleh Juvana di Malaysia Pada 2014 Dan 2015**

| <b>Kesalahan/Tahun</b>                 | <b>2014</b> | <b>2015</b> |
|--|-------------|-------------|
| Jumlah                                 | 5096        | 4569        |
| Kesalahan pertama                      | 4726        | 4152        |
| Kesalahan berulang ( <i>reoffend</i> ) | 371         | 417         |

(Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2017)

Data statistik pada jadual 1 menunjukkan kadar pengulangan mencatatkan kenaikan 12.4 peratus daripada 371 kes (2014) kepada 417 kes (2015). Kenaikan kadar pengulangan delikueni oleh juvana memberi petanda proses resosialisasi atau usaha untuk merubah juvana tidak berjaya sepenuhnya. Sesungguhnya ketidakberhasilan usaha merubah juvana sering dikaitkan dengan adanya halangan dan masalah tertentu (Ameen & Lee, 2012; Nally, Lockwood, Ho & Knutson, 2014).

Oleh yang demikian artikel ini memfokuskan persoalan iaitu ‘apakah halangan yang menggugat keberhasilan proses resosialisasi juvana?’ Persoalan ini diteroka dan dianalisis daripada konteks institusi pemulihan juvana di Malaysia. Persoalan ini penting kerana setiap negara sudah tentu mempunyai halangannya tersendiri. Jadi dengan mengetahui apakah bentuk halangannya, diharapkan ianya dapat membantu usaha penambahbaikan, agar proses resosialisasi berjaya sepenuhnya.

### **Tinjauan Literatur**

Pada bahagian pendahuluan telah dinyatakan bahawa proses resosialisasi juvana memerlukan pelbagai program yang terancang. Namun kadangkala semasa melaksanakan proses resosialisasi yang merangkumi pelbagai program akan timbulnya halangan tertentu. Memandangkan halangan atau kadangkala dirujuk sebagai masalah amat penting untuk dikenalpasti, maka semenjak dulu lagi ianya telah menjadi fokus pengkaji-pengkaji lepas.

Salah satu kajian lepas oleh Liaudinskien (2005) bertajuk ‘*resocialization barriers of juvenile delinquents*’ telah menggunakan soalan berbentuk terbuka bagi mendapatkan data kajian. Seramai 310 orang yang mempunyai berpengalaman luas berkaitan juvana seperti guru, pegawai polis, peguam, psikologis, pekerja sosial, kakitangan institusi pemulihan dan pakar kanak-kanak telah dilibatkan dalam kajian ini. Dapatan mendapati faktor keluarga, faktor diri juvana, faktor institusi pemulihan dan faktor polisi negara yang menghalang kejayaan resosialisasi juvana.

Salah satu program untuk meresosialisasi juvana adalah program pendidikan. Kajian berikutnya oleh Tam, Heng, & Rose, (2007) pula melaporkan hasil tinjauan di sebuah institusi yang menekankan program pendidikan untuk merubah juvana. Antara masalah yang timbul adalah berkaitan pelaksanaan program pendidikan adalah seperti penawaran subjek untuk dipelajari adalah terhad, kekurangan alat teknologi maklumat serta audio visual, masa tidak mencukupi untuk menghabiskan sukatan pembelajaran, kekurangan buku rujukan, kesukaran untuk memahami pengajaran guru dan kekurangan tempat senyap untuk mereka mengulangkaji pelajaran.

Begitu juga kajian Young, Phillips, & Nasir, (2010) turut berminat mengenalpasti apakah masalah semasa melaksanakan program pendidikan untuk juvana. Kajian telah melibatkan 40 juvana berumur antara 10-19 tahun daripada pelbagai etnik. Dapatan temu bual mendapati antara masalahnya ialah kekurangan guru untuk mengajar sesetengah subjek, kekurangan bahan pembelajaran, tempoh penahanan juvana yang berbeza dan juvana yang berbeza tahap kebolehan berada di dalam satu kelas. Manakala dapatan pemerhatian kelas mendapati pengajaran guru tidak mengikuti kurikulum yang spesifik, bentuk kerja rumah amat mudah dan guru tidak mempunyai kemahiran untuk mengajar kelompok juvana.

Manakala kajian Wade, Bohac & Platt (2013) masih berfokuskan masalah umum yang ada di institusi pemulihan. Beliau dan rakannya menyatakan anantara masalahnya ialah tingkah laku juvana yang ganas, kehadiran juvana tidak menentu di sebabkan urusan perbicaraan mahkamah, kekurangan kemudahan dan guru yang tidak dilatih dengan persediaan yang mencukupi untuk berdepan dengan juvana yang mempunyai perbezaan akademik di dalam satu kelas. Menurut dapatan kajian ini lagi, kesemua masalah-masalah ini berupaya memberi kesan terhadap matlamat institusi untuk proses pemulihan juvana.

Leone & Wruble (2015) dalam artikel mereka turut menyuarakan masalah yang timbul dalam melaksanakan program pendidikan untuk juvana di institusi pemulihan di ‘*United States*’

Misalnya jangkamasa untuk juvana mengikuti perbicaraan mahkamah terlalu lama, peruntukan kewangan tidak mencukupi, kekurangan guru, kekurangan bahan pembelajaran, pembelajaran teknologi amat terhad dan pelaksanaan program pendidikan tidak dipantau secara berkala oleh jabatan pelajaran di *United States*. Kesemua masalah yang dinyatakan oleh penulis ini telah menambah kesukaran dalam melaksanakan program pendidikan yang berkesan.

Pada asasnya di institusi pemulihan akan adanya guru dalam membantu proses resosialisasi, iaitu dalam aspek mendidik juvana sebagaimana matlamat yang telah digariskan oleh institusi tersebut. Oleh yang demikian isu yang berkaitan guru turut diberi perhatian oleh pengkaji lepas. Sesungguhnya guru yang mengajar juvana berdepan dengan pelbagai masalah yang agak berbeza daripada guru mengajar di sekolah yang menempatkan pelajar biasa (Houchins, Puckett-Patterson, Crosby, Shippen, & Jolivette, 2009; Young, et.al., 2010). Antara masalahnya adalah guru perlu berdepan kelompok juvana yang kurang berminat dalam aspek pembelajaran (Wade, et.al. 2013) dan pencapaian juvana kurang memuaskan (Feinstein, 2002; Young, et.al. 2010; Hurry & Rogers, 2014). Jadi ini juga merupakan masalah kepada para guru, sedangkan pendidikan merupakan antara komponen terpenting dalam proses resosialisasi juvana sebagaimana dibincangkan sebelumnya.

Oleh itu sebagai guru antara menjadi tugas mereka untuk membantu juvana meningkatkan penguasaan ilmu pengetahuan. Akan tetapi disebabkan oleh tahap kebolehan akademik juvana yang berbeza ditempatkan dalam satu kelas (Houchins et al., 2009) ianya dilihat juga sebagai satu halangan atau masalah kepada pengajaran guru. Tambahan pula jika terdapatnya juvana yang mempunyai masalah pembelajaran (Gagnon, Barber, Van Loan & Leone, 2009; Jolivette & Nelson, 2010) dan ini juga merupakan satu halangan kepada guru yang terlibat dalam program pendidikan untuk juvana dalam tahanan.

Begitu juga di Malaysia masalah bagi melaksanakan program untuk tujuan meresosialisasi juvana di institusi pemulihan turut dikaji. Salah satu contoh pengkaji lepas iaitu Norizan, Nadzrah, Hasnah, Nor Fariza & Jalaluddin Abdul Malek (2011) cuba meneroka isu permasalahan pelaksanaan program teknologi komunikasi maklumat (*ICT*) di lima buah institusi pemulihan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Pengumpulan data menggunakan temu bual dan pemerhatian. Hasil dapatan menunjukkan empat buah institusi tidak mempunyai kemudahan mencukupi, tiada akses komputer, ruang untuk meletakkan komputer terhad, perisian komputer telah lama dan tidak ada guru komputer yang berkelayakan untuk mengajar kemahiran *ICT* ini. Hanya sebuah institusi pemulihan sahaja dalam kajian ini mempunyai guru yang berkelayakan *ICT*, mempunyai bilangan komputer yang mencukupi untuk menampung kegunaan juvana dan akses internet juga disediakan di sini. Apabila adanya masalah sebegini ianya dilihat sebagai halangan dalam melaksanakan program *ICT* dan ini merupakan kerugian kepada juvana kerana tidak berpeluang mempelajarinya.

Kajian oleh Ezza Rafedziawati & Abrizah (2014) agak berbeza sedikit, kerana memfokuskan satu masalah sahaja iaitu aspek kemudahan perpustakaan. Kajian ini melibatkan lima buah institusi pemulihan di bawah kawalan Jabatan Penjara Malaysia (JPM) iaitu di Kajang, Marang, Sungai Petani, Kluang dan Melaka. Hasil dapatan mendapati terdapatnya masalah di perpustakaan di kelima-lima institusi iini iaitu bahan-bahan dan buku di adalah edisi lama dan ini tidak membantu proses pembelajaran juvana.

Kajian berkaitan isu perpustakaan di institusi pemulihan masih menjadi minat pengkaji yang sama iaitu Ezza Rafedziawati, Abrizah & Halida (2016). Fokus kajian ialah apakah masalah

dalam usaha menyediakan perpustakaan untuk keperluan juvana. Hasil dapatan menunjukkan masalah di perpustakaan di institusi pemulihan adalah merangkumi kekurangan buku agama dan jika ada sekalipun ianya adalah edisi lama. Selain itu tiada kakitangan di perpustakaan yang dapat membantu juvana mencari bahan bacaan dan ini menyukarkan juvana, kerana mereka kurang mahir dalam mencari maklumat rujukan yang bersesuaian dengan tugasan yang diberikan oleh guru.

Sememangnya terdapat kajian lepas yang menunjukkan adanya halangan atau kadangkala dirujuk sebagai masalah yang wujud di institusi pemulihan juvana tidak kiralah di dalam negara mahupun luar negara. Bentuk halangan tersebut boleh dalam pelbagai bentuk dan sudah tentu ianya memberi impak negatif terhadap segala perjalanan program untuk meresosialisasi juvana dalam tahanan.

Sesungguhnya berdasarkan paparan ringkas mengenai beberapa contoh kajian-kajian lepas ini, sememangnya wujud halangan tertentu, namun bagaimana pula halangan daripada konteks institusi pemulihan di Malaysia pada masa kini? Persoalan ini yang cuba difokuskan dalam artikel ini.

### **Metodologi**

Kajian kes melibatkan pengkajian dan penerokaan fenomena dan kejadian secara mendalam dan ianya berlaku dalam konteks sebenar (Merriam, 1998 & Yin, 2014). Tambahan pula melalui kajian kes membolehkan pengkaji membuat pengutipan data daripada pelbagai sumber, secara bersemuka dengan para responden di lapangan sebenar dan melaporkan hasil kajian melalui tema-tema secara induktif (Yin, 2014; Creswell, 2013; Othman Lebar, 2017). Bersandarkan pandangan tokoh terdahulu ini, reka bentuk kajian kes telah dipilih kerana ianya paling sesuai kerana memberi peluang kepada penerokaan secara mendalam apakah bentuk halangan dalam proses resosialisasi dengan mengambil kira pelbagai sumber data (temu bual; pemerhatian) dan pengutipan sumber data berlaku di lapangan sebenar (institusi pemulihan juvana).

Pemilihan responden adalah melalui pensampelan bertujuan dan seramai 27 kakitangan institusi pemulih dan 23 orang juvana telah dipilih untuk berkongsi mengenai halangan yang terdapat semasa proses resosialisasi. Sebagai langkah mematuhi etika, penerangan mengenai kajian dan langkah menandatangani borang persetujuan menjadi responden telah dibuat, kerana kesemua ini penting sebagaimana pandangan (Lambert 2012).

Pengumpulan data adalah melalui temu bual dan pemerhatian. Temu bual secara berkumpulan dijalankan dengan juvana kerana menurut Krueger & Casey (2009) melalui temu bual berkumpulan ianya memberi peluang percambahan idea dan perbincangan mengenai sesuatu isu. Manakala temu bual dengan kakitangan institusi pemulihan adalah secara individu. Selain melaksanakan temu bual, bagi mengukuhkan dapatan kajian ini pengkaji turut membuat pemerhatian sebagaimana saranan (Merriam, 1998; Hays & Singh, 2012).

### **Dapatan Kajian**

Analisis data mendapati terdapat halangan dalam proses resosialisasi juvana sebagaimana dinyatakan di bawah:

**Faktor Berkaitan Juvana (Masalah Tingkah Laku Juvana: Tingkah Laku Tidak Berminat Dalam Kelas Pembelajaran, Kelas Agama Termasuklah Aktiviti Dan Program)**

Hasil temu bual menunjukkan halangan berkaitan juvana adalah merujuk kepada faktor tingkah laku juvana itu sendiri. Terdapat sekelompok juvana mempamerkan tingkah laku tidak berminat dalam kelas pembelajaran, kelas agama termasuklah aktiviti dan program yang dibuat oleh institusi. Ini merupakan satu halangan terhadap segala usaha resosialisasi yang ingin dibuat oleh pihak institusi pemulihan.

P1: Kelas agama, dia pun macam akademik dia susah nak terima, tapi boleh la senang cerita kat sini kena paksa. (P1: para 118)

P1: Halangan, cabaran...aaa..macam contoh masa latihan koir. Aaaa..ada bagi alasan sakit perut la, padahal tak ada sakit perut pun. Jadi kita nak melatih koir, jadi benda tu tak tercapai. (P1: para 278)

P3: Aaaa...cuma masalah kita tu lah kanak-kanak tu sendiri. Aaaa dia orang masa program ni, dia tak bersungguh-sungguhkan. Dia orang *just* lalui masa di sini untuk habis masa tahanan, kemudian dibebaskan. Aaa..tapi bukan semualah budak macam tu kan. (P3: para 36)

Pemerhatian semasa di kelas pembelajaran turut mendapati terdapat segelintir juvana yang menunjukkan tingkah laku tidak bersungguh dan tidak berminat untuk belajar, walaupun guru dilihat bersungguh-sungguh mengajar mereka.

Guru dilihat sedaya upaya mengajar, tetapi hanya beberapa juvana sahaja memberi perhatian dan sesekali bertanya pekara yang tidak difahami. Terdapat beberapa juvana sahaja yang memberikan perhatian dan bertanya kepada guru. Beberapa juvana tidur dan hampir separuh kelas bercakap sesama mereka tanpa menghiraukan guru yang menerangkan isi pelajaran.

(Pemerhatian Kelas tingkatan 5: Guru G3, 6 Ogos 2018, Isnin)

**Halangan Pada Peringkat Institusi Pemulihan**

***Kemudahan Kurang Memuaskan***

Aspek yang menjadi penghalang di institusi pemulihan adalah berkaitan kemudahan. Apabila kemudahan tidak memuaskan ianya dilihat sebagai faktor mengganggu perjalanan sesuatu program untuk meresosialisasi juvana. Misalnya bangunan dan peralatan lama telah menimbulkan ketidakselesaan kepada juvana ketika program ingin dijalankan.

K1: Aaa..keperluan dari segi kelengkapanlah sebab sekolah ni dah lama, okay. Mungkin dari segi *infrastructure* pun kita nak jugalah untuk apa orang kata keselesaan, kondusifkan. Itulah yang saya nampak sebab sekarang macam banyak benda yang kena diselenggarakan. Aaa...*sometime student* nak buat benda tak selesa dan dari segi peralatan, kalau yang dah rosak ke, yang dah lama tak boleh nak berfungsi. (K1: para 415)

Program kemahiran vokasional dan kelas akademik juga sebahagian perancangan pihak institusi dalam usaha meresosialisasikan juvana. Namun apabila terdapatnya keadaan bengkel tidak selesa, bersaiz kecil dan bengkel bersebelahan antara satu sama lain tanpa sebarang sekatan telah menyebabkan ketidakselesaan pembelajaran.

JL8: Walaupun bengkel lama tak ada *air cond*, tapi luas..*best* besar. Bengkel sekarang kecil, tapi ada *air cond*. Aaa..bila luas senang nak buat kerja amali dalam bengkel.

JL5: Bila bengkel kecil..aaa..bila potong kayu habuk akan bertebaran.

(FG4: para 279-280)

Data pemerhatian di institusi sememangnya menyokong mengenai keadaan bengkel latihan yang kurang selesa kerana ruangnya terlalu sempit. Bengkel juga berada dalam ruangan kabin sementara.

Keempat-empat bengkel ini iaitu bengkel kereta, bengkel kimpalan, bengkel elektrik dan bengkel perabot berada dalam kabin sementara. Tiada sekatan antara keempat-empat bengkel ini. Namun apa yang saya boleh katakan ialah kabin tersebut sempit dan untuk sesi pembelajaran dilihat kurang selesa.

(Pemerhatian kawasan persekitaran institusi pemulihan, 11 Disember 2018, Selasa)

Salah seorang tenaga pengajar pula berkongsi mengenai kemudahan peralatan membaiki kereta tidak memuaskan serta tidak terkini. Kesemua ini sebahagian daripada faktor menggugat perjalanan pembelajaran.

G16:Aaa..kalau macam kat dalam ni dia terhad,..aaa..terhad dari segi peralatan lah,dari segi kita punya barang-barang terkini untuk baiki kereta,..aaa..kurang.

(G16: para 336)

### ***Kekurangan Kewangan***

Faktor kekurangan kewangan juga adalah penghalang yang menggugat pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti untuk juvana.

Pk: Kewangan, maksudnya nak menjalankan program ada halangan ke?

P1: Itu ada la. Kalau ada peruntukkan senang la kita nak buat aktiviti budakkan.

Pk: Setakat ni mencukupi tak?

P1: Tak.

(K1: para 287-290)

Responden seterusnya menyatakan pihak institusi tidak dapat mengambil tenaga pengajar untuk mengajar kemahiran berkawad dan bermain kugiran muzik kerana kekurangan sumber kewangan. Ini adalah satu kerugian kerana juvana tidak dapat mempelajari kemahiran bermain alat muzik dan berkawad.

PKM4: Aaaa..dulu ada *marching band*.

Pk: Ooo.

PKM4: Sekarang ni dah takde semua tu lagi dah. Sebab kekangan kita nak ambil cikgu-cikgu kan untuk mengajar ni.

(PKM4: para 158-160)

P2: Kalau dari segi aaa benda lain macam kombo. Kita ada bilik kombo cuma buat masa ni kekangan kewangan kita tak boleh nak bayar guru. Sebelum ni pun kita kita takde guru tetap kita cuma ada sambilan. Maknanya buat masa ni kita tak boleh nak bayar kita *stoplah* sekejap.

(P2: para 548)



## **Faktor Berkaitan Keluarga Juvana**

### **Sosioekonomi Keluarga Juvana**

Sememangnya pihak institusi pemulihan turut melibatkan keluarga dalam proses resosialisasi juvana, melalui perjumpaan dan program bersama keluarga. Namun disebabkan sosioekonomi keluarga seperti struktur keluarga tidak teratur (ibu tunggal, bapa tunggal) dan tempat tinggal keluarga yang jauh, dilihat sebagai salah satu faktor menghalangnya.

Pk: Memang ada buat lah perjumpaan dengan keluarga?

K1: Ya ada.

Pk: Okay kekerapan bergantung pada keperluan ke?

K1: *In case...* dia bergantung pada keperluan, lagi satu kalau kita nak minta *family* datang berkala, kita kena fikir juga kekangan mereka sebab ada *single parent*, dan ada yang dari jauh dan ada yang hidup susah. (K1: para 204-207)

Pk: Ada tak program perjumpaan yang sekolah buat dan panggil ibu bapa?

P1: Aaa..tapi dulu ada sekali kita budak-budak nak periksa, aaa.. exam SPM. Kita buat macam sekolah-sekolah luar, apa tu solat hajat. Kita panggil ibu bapa tidur sini pernah sekali sahaja. Tapi macam sukarlah bila yang jauh-jauh datang, aaa..tempat tinggal pulak dah ada masalah. Aaa.. itulah kekangannya. Tapi program tu bagus sebenarnya tapi kita menghadapi kekangan.

(P1: para 353-354)

### **Sikap Keluarga Juvana Tidak Bertanggungjawab**

Responden turut berkongsi mengenai sikap sesetengah ibu bapa yang tidak bertanggungjawab seperti membawa tembakau ataupun memberikan duit kepada juvana. Apabila juvana mempunyai duit maka mereka menyuruh kakitangan swasta untuk membeli tembakau dan tembakau itu digulung dalam kertas menjadi seperti rokok.

PKM2: Rokok selalunya..aaa kadang keluarga bawa.

Pk: Okay.

PKM2: Aaa..kalau keluarga tak bawa pun, dia akan bagi duit. Duit pula pelatih akan pegang, dia orang selalunya akan bagi kepada aaa kakitangan-kakitangan pengawal swasta lah untuk belikan tembakau. Aaa..lepas tu diaorang gulung tembakau pakai kertas. (PKM2: para 234-236)

### **Faktor Masyarakat (Persepsi Negatif Anggota Masyarakat)**

Selanjutnya dapatan mendapati adanya persepsi negatif dalam kalangan masyarakat disebabkan filem yang dipaparkan di televisyen, sedangkan apa yang dipaparkan adalah tidak tepat.

PKM4:Aaa..selalunya digembar gemburkan..aaa..dengan buat filem juvana, gambarkan sesuatu yang tak betul. Kalau macam filem juvana tu, dia lebih kepada menceritakan keburukan sebenarnya. Aaa..keadaan sebenar di sini, bukan macam macam filem juvana. Tapi..aaa.. kalau orang dah kenal budak sekolah ni, diaorang pun sendiri cakap baik budak ni, boleh haraplah budak ni. (PKM4: para 528)

Apabila adanya persepsi negatif masyarakat terhadap institusi pemulihan juvana menyebabkan kurangnya sumbangan daripada pihak luar dan kesukaran untuk juvana mendapat peluang bekerja ataupun menyambung pelajaran.

P3: Aaa..tapi di institusi pemulihan akhlak macam kita, memang kuranglah.

Pk: Mmm...okay.

P3:Aaa..tu memang stigma negatif masyarakat pada kitalah. Masyarakat bagi sumbangan pada anak yatim, sebab diaorang pandang anak yatim terbuang macam tu. Contoh OKU, banyak sumbangan mereka dapat banyak.

(P3: para 506-508)

G15: Aaaa..macam dalam konteks nak ambil kerja ke, dia orang nak sambung belajar pun samalah, bila tahu dia orang bekas institusi pemulihan, macam yang lah, payah sikit

(G15: para 753)

### **Perbincangan**

Halangan sememangnya memberi impak kepada kejayaan sesuatu perkara yang ingin dicapai. Dapatan mendapati dalam proses resosialisasi juvana di institusi pemulihan di Malaysia berhadapan dengan halangan tertentu. Antara faktor halangan yang dikongsikan oleh responden dalam kajian adalah faktor juvana (masalah tingkah laku juvana: tingkah laku tidak berminat dalam pembelajaran, kelas agama termasuklah aktiviti atau program), faktor institusi pemulihan (kemudahan kurang memuaskan, kekurangan kewangan), faktor keluarga juvana (sosioekonomi keluarga, sikap keluarga juvana tidak bertanggungjawab) dan faktor masyarakat (persepsi negatif anggota masyarakat)

Berikut dibincangkan beberapa dapatan pengkaji lepas yang memberikan dapatan yang menyamai dapatan pengkaji tentang adanya masalah-masalah tertentu di institusi pemulihan juvana tidak kira di dalam negara dan luar negara. Sesungguhnya apa jua bentuk masalahnya ianya dilihat sebagai faktor penghalang dalam usaha sesebuah institusi pemulihan untuk meresosialisasikan mereka. Sebagai contoh salah satu kajian dalam negara oleh Norizan Abdul Razak et.al. (2011) memperlihatkan kepada kita tentang masalah yang wujud semasa mengimplementasi program teknologi komunikasi maklumat (ICT). Masalahnya adalah merangkumi aspek kemudahan (komputer tidak mencukupi, ruang untuk meletakkan komputer terhad, perisian komputer telah lama) dan aspek berkaitan kakitangan iaitu tidak ada guru komputer yang berkelayakan untuk mengajar kemahiran ICT ini. Apabila adanya masalah sebegini ianya adalah sebagai halangan dalam melaksanakan program ICT dan ini merupakan kerugian kepada juvana kerana tidak berpeluang mempelajarinya.

Begitu juga dalam kajian Noor Hafizah Mohd Haridi & Fakhrul Adabi Abd. Kadir (2014) menunjukkan terdapatnya beberapa masalah utama dalam melaksanakan program agama iaitu masalah di peringkat institusi (kekurangan tenaga pengajar, pengisian program yang tidak bersesuaian, pengurusan institusi bermasalah) dan masalah berkaitan juvana (sikap juvana yang kurang berminat). Kesemua ini menyebabkan kekangan kepada pelaksanaan program agama. Darusalam Budin (2014) pula menyatakan antara masalah yang dihadapi ialah pada peringkat institusi pemulihan (kemudahan prasarana untuk pembelajaran yang kurang memuaskan, struktur bangunan tidak seperti sekolah aliran biasa, kekurangan bahan rujukan pembelajaran) dan masalah berkaitan kekurangan sumber kewangan.

Sememangnya bukan hanya di Malaysia akan terdapatnya halangan tetapi pengkaji di luar negara juga melaporkan hal yang sama. Dapatan Liudinskien (2005) antara faktor menghalang resosialisasi adalah faktor keluarga (kemiskinan, ibu bapa tidak bekerja, ibu bapa tunggal, hubungan ibu bapa tidak harmoni, ibu bapa tidak menjalankan tanggungjawab), faktor personaliti juvana (kurang motivasi, tidak bersedia untuk berubah, pengaruh rakan),

faktor institusi pemulihan (tidak ada program yang membantu pembentukan personaliti, sikap kakitangan yang tidak bersungguh menjalankan program, keadaan institusi) dan faktor terakhir ialah faktor polisi negara (ketidakteraturan sistem atau program untuk resosialisasi juvana, kurangnya kemudahan infrastruktur dan kurangnya kerjasama antara pihak-pihak yang terlibat dengan resosialisasi juvana). Manakala melalui kajian Hurry & Rogers (2014) antara masalah yang berupaya menggagalkan keberhasilan program pendidikan untuk juvana adalah faktor institusi (sistem pentadbiran kurang teratur, kekurangan bilangan guru) dan faktor juvana itu sendiri, misalnya kurang berminat dan kebolehan intelek yang rendah. Apabila program pendidikan gagal dilaksanakan sepenuhnya, secara tidak langsung menggagalkan proses resosialisasi. Ini kerana menurut Skiecevicius & Leliugiene (2012) resosialisasi juvana turut berlaku melalui program pendidikan. Tambahan pula resosialisasi melalui pendidikan mampu membentuk juvana menjadi individu berguna dalam masyarakat kelak (Kalendra, 2006).

Seterusnya pula Yan & Wilkerson (2014) melalui kajian mereka berdua menyatakan antara masalah yang memberi kesan negatif kepada kejayaan program untuk juvana adalah dalam aspek kemudahan (kekurangan akses teknologi, kekurangan bahan mengajar), aspek kakitangan (kekurangan kakitangan, kekurangan latihan profesional untuk kakitangan), kurangnya sokongan daripada pihak pentadbiran dan terakhir sekali ialah masalah berkaitan tingkah laku juvana. Clemance, (2015) turut membuktikan tentang adanya masalah semasa pihak institusi pemulihan menjalankan pelbagai program untuk juvana. Antaranya ialah faktor kakitangan (tenaga pengajar yang kurang berkelayakan, kekurangan kakitangan institusi untuk mengawasi juvana), aspek kemudahan (kekurangan buku teks serta peralatan untuk menjalankan praktikal) dan faktor institusi (kurangnya sokongan daripada pihak pentadbiran institusi pemulihan).

Kajian berikutnya oleh Weaver (2017) memaparkan masalah yang timbul ialah faktor berkaitan juvana (kelakuan juvana yang tidak baik, pelbagai tahap kebolehan juvana dalam kelas pembelajaran) dan faktor berkaitan institusi (cara penilaian pencapaian juvana yang terhad). Pada dasarnya paparan pada bahagian ini adalah sebahagian sahaja daripada contoh kajian-kajian lepas yang memperlihatkan kepada kita tentang adanya masalah dan masalah ini akan menjadi halangan yang menggugat matlamat untuk merubah juvana.

### **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya sesebuah institusi pemulihan juvana akan berhadapan dengan masalah-masalah tertentu. Walau apa sekalipun bentuk masalahnya ianya dilihat sebagai faktor penghalang kepada matlamat resosialisasi juvana. Diharapkan melalui paparan dapatan ini semua pihak dapat memberikan perhatian dalam menanganinya. Seandainya segala halangan-halangan ini tidak ditangani ianya bukan sahaja merugikan pihak juvana, malah negara sendiri. Ini adalah kerana kos untuk menyelenggara institusi pemulihan dan melaksanakan segala program di dalamnya adalah tinggi menurut (Greenwood 2008; Macomber, et. al. 2010; Lotti, 2016; Reed, Miller & Novosel, 2017). Jadi jika juvana tidak mampu berubah menjadi individu berguna setelah keluar dari institusi pemulihan, sudah tentu pelaburan yang dilaburkan untuk tujuan resosialisasi mereka dilihat sebagai satu kerugian.

### **Rujukan**

Abrams, L. S. (2006). Listening to Juvenile Offenders: Can Residential Treatment Prevent Recidivism? *Child and Adolescent Social Work Journal*, vol. 23, no. 1, February 2006, 69-85.

- Ameen, E. J., & Lee, D. L. (2012). Vocational training in juvenile detention: A call for action. *The Career Development Quarterly*, 60, 98–108.
- Brym, R. J. & Lie, J. (2006). *Sociology: Your Compass To The New World*. Belmont, CA; Wadsworth Thompson Learning
- Clemance, N. S. (2015). *Intervention Strategies For Improving Vocational Rehabilitation Programme For Young Adult Offenders: A Case Study*. (Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan) University of Limpopo. Diakses daripada [http://ulspace.ul.ac.za/bitstream/handle/10386/1347/ngobeni\\_c\\_2015.pdf?sequence=1&isAllowed=y](http://ulspace.ul.ac.za/bitstream/handle/10386/1347/ngobeni_c_2015.pdf?sequence=1&isAllowed=y).
- Chomil Kamal. (2002). *Directions of juvenile justice reforms in Singapore*. Diakses daripada [https://www.unafei.or.jp/publications/pdf/RS\\_No59/No59\\_14VE\\_Kamal.pdf](https://www.unafei.or.jp/publications/pdf/RS_No59/No59_14VE_Kamal.pdf).
- Creswell, J. W. (2013). *Qualitative inquiry & research design: Choosing among five approaches*. Thousand Oak, California: Sage Publications.
- Darussalam Budin. (2014). Pendidikan Juvana di Jabatan Penjara Malaysia: Dasar, Hala Tuju, Pelaksanaan dan Cabaran. *Jurnal Hadhari* 6(1), 87-104.
- Ezza Rafedziawati Kamal Rafedzi & Abrizah Abdullah. (2014). The library for the incarcerated male juveniles: An observation of five correctional schools. *International Conference of Libraries, Information and Society 2014 (ICOLIS 2014), Library: Our Story, Our Time, Our Future, Kuala Lumpur, Malaysia, 4-5 November 2014*, 33-48.
- Ezza Rafedziawati Kamal Rafedzi, Abrizah Abdullah & Halida Yu. (2016). The challenges in making library services accessible to incarcerated male juveniles in five correctional schools. *Malaysian Journal of Library & Information Science*, vol. 21, no. 2, 2016, 95-110.
- Feinstein, S. (2002). Performance assessment in juvenile correction education programs. *Journal of Correctional Education*, 53(1), 9–12. Diakses daripada <http://www.ceanational.org/Journal/>
- Ferrante, J. (2014). *Seeing sociology: An Introduction*. Belmont, CA: Wadsworth Cengage Learning.
- Gagnon, J. C, Barber, B. R., Van Loan, C. L., & Leone, P. E. (2009). Juvenile correctional schools: Characteristics and approaches to curriculum. *Education and Treatment of Children*, 32, 673-696.
- Greenwood, P. (2008). Prevention and Intervention Programs for Juvenile Offenders. *The Future of Children*, vol. 18, No. 2, Fall 2008, 185-209.
- Hays, D. G. & Singh, A.A. (2012). *Qualitative inquiry: In clinical and educational settings*. New York: Guilford Press.
- Henslin, J. M. (2012). *Sociology: A down to earth approach*. Upper Saddle: Pearson Inc.
- Houchins, D. E., Puckett-Patterson, D., Crosby, S., Shippen, M. E., & Jolivette, K. (2009). Barriers and facilitators to providing incarcerated youth with a quality education. *Preventing School Failure*, 53(3), 159–166.
- Hurry, J. & Rogers, L. (2014). Education, training, and employment in prison and post-release. *London Review of Education*, volume 12, Number 2, July 2014, 159-161.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat, (2017). *Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat Tahun 2009 Hingga Tahun 2016*. Putrajaya, Kuala Lumpur.
- Jolivette, K. & Nelson, C.M. (2010). Introduction to the Special Issue of Behavioral Disorders: Juvenile Justice Issues. *Behavioral Disorders*, 36 (1), 4-6.
- Kendall, D. (2017). *Sociology in our times: The essentials*. Belmont, CA: Thompson Wadsworth.
- Kornblum, W. (2012). *Sociology in a changing world*. Belmont, CA: Wadsworth Cengage Learning.
- Krueger, R.A & Casey, M. A. (2009). *Focus groups: Practical guide for applied research*. Thousand Oak, California: Sage publication

- Lambert, M. (2012). *A Beginner's Guide to Doing Your Education Research Project*. Thousand Oak, CA: Sage Publications.
- Landis, J. R. (2000). *Sociology concepts and characteristics*. USA: Wadsworth Thompson Learning.
- Leone, P. E. & Wruble, P. C. (2015). Education Services in Juvenile Corrections: 40 Years of Litigation and Reform. *Education and Treatment of Children*, vol. 38, No. 4, 2015, 587-604.
- Liaudinskien, G. (2005). Resocialization Barriers of Juvenile Delinquents. *Social Sciences* 2005. Nr. 1 (47), 41-53.
- Lotti, G. (2016). Tough on young offenders: Harmful or helpful? Pp 1-62. Diakses daripada [https://warwick.ac.uk/fac/soc/economics/research/workingpapers/2016/twerp\\_1126\\_1otti.pdf](https://warwick.ac.uk/fac/soc/economics/research/workingpapers/2016/twerp_1126_1otti.pdf)
- Macomber, D., Skiba, T., Blackmon, J., Esposito, E., Hart, L., Mambrino, E., Thompson Richie, T., & Grigorenko, E.L. (2010). Education in Juvenile Detention Facilities in the State of Connecticut: A Glance at the System. *The Journal of Correctional Education* 61(3), September 2010, 223-261.
- Merriam, S.B. (1998). *Qualitative research and case study: Applications in education*. New York: Jossey Bass Inc.
- Nadzriah Ahmad, Abdul Ghafur Hamid, Saodah Wok & Ahmad Ibrahim. (2016). Reoffending among the child offenders in Malaysia : It's time to open our doors to theories underpinning diversion measures. *The Social Sciences 11 (special issues 6)*, 7274-7278.
- Nally, J. M., Lockwood, S., Ho, T., Knutson, K. (2014). Indiana Industry Sectors That Hire Ex-Offenders: Implications to Correctional Education Programs. *The Journal of Correctional Education* 65(3), September 2014, 43-65.
- Noor Hafizah Mohd Haridi & Fakhrol Adabi Abd. Kadir. (2014). Program Agama Di Institusi Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM): Analisis Pelaksanaan. *Jurnal Kemanusiaan Bil. 23*, 1-22.
- Norizan Abdul Razak, Nadzrah Abu Bakar, Hasnah Toran, Nor Fariza Mohd Nor, Jalaluddin Abdul Malek. (2011). e-Activities for At Risk Youths in Malaysia. *Conference: Proceedings of the 10th WSEAS international conference on E-Activities, Jakarta, Indonesia, December 01 - 03, 2011*, 35-39.
- Othman Lebar. (2017). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Tg Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Reed, D. K., Miller, N. & Novosel, L. C. (2017). Vocabulary Instruction to Support the Career Readiness of Juvenile Offenders. *The Journal of Correctional Education* 68(1), March 2017, 32-51.
- Regoli, R. M. & Hewitt, J. D. (2003). *Delinquency in society*. New York: Mc Graw Hill.
- Rosilawati Sultan Mohideen, Nurliyana Kamilah Khairul Anuar, Dzaa Imma Abdul Latiff, Abdul Rauf Ridzuan & Fazlul Haque Kamarudin. (2016). Social Factors That Contribute Juvenile Delinquency At Melaka. *Journal of Education and Social Sciences*, Vol. 3, (Feb.), 93-98.
- Santrock, J. W. (2010). *Adolescence*. New York: McGraw-Hill.
- Sarirah Che Rose. 2011. Prosedur Perbicaraan Kes Jenayah Kanak-kanak di Mahkamah Tinggi. *Voice of Academia*, vol.6 No.2 2011, 109-124.
- Shulman, E. P. & Cauffman, E. (2011). Coping While Incarcerated: A Study of Male Juvenile Offenders. *Journal of Research on Adolescence*, 21(4), 818 – 826.
- Silva, J.R. (2017). Correction in Japan. *The Encyclopedia of Corrections*, pp 1-7. Diakses daripada [https://www.researchgate.net/profile/Jason\\_Silva5/publication/319967444\\_Corrections\\_in\\_Japan/links/59d145d64585150177f3d19c/Corrections-in-Japan.pdf](https://www.researchgate.net/profile/Jason_Silva5/publication/319967444_Corrections_in_Japan/links/59d145d64585150177f3d19c/Corrections-in-Japan.pdf)

- Skiecevicius, P. & Leliugiene, I. (2012) Empowering Partnership as Form of Juveniles Subject to Delinquency: Findings of Empirical Research. *Social Sciences*, 2012. Nr. 1 (75), 30-40.
- Sullivan, T. J. (2007). *Sociology: Concepts and applications in a diverse world*. Boston, MA: Allyn & Bacon.
- Tam, K. Y., Heng, M. A. & Rose, D. (2007). Voices from Correctional Educators and Young Offenders in Singapore: A Preliminary Needs Assessment Study of the Kaki Bukit Centre Prison School. *The Journal of Correctional Education* 58(2), June 2007, 129-144.
- Tischler, H. L. (2011). *Introduction to sociology*. California, USA: Wadsworth Cengage Learning.
- Wade, W., Bohac, P. & Platt, J. S. (2013). Technology-Based Induction: Professional Development Strategies for Correctional Education. *The Journal of Correctional Education* 64(2), September 2013, 22-36.
- Weaver, R. M., (2017). *Factors Influencing Teacher Efficacy in a Pennsylvania Juvenile Detention Center Education Program*. (Disertasi Ed.D. Tidak Diterbitkan). Diakses daripada <http://commons.cu-portland.edu/edudissertations/29>
- Yan, M. C. & Wilkerson, K. L. (2014). Teacher-Reported Use of Reading Instructional Approaches in Midwestern Juvenile Correctional Facilities. *The Journal of Correctional Education* 65(1), January 2014, 27-49.
- Yin, R. K. (2014). *Case study research: Design and methods*. Los Angeles: Sage Publications.
- Young, M. V., Phillips, R. S., & Nasir, S. N. (2010). Schooling in a Youth Prison. *The Journal of Correctional Education* 61(3), September 2010, 203-222.